

BAB

6

Elektrik dan Kemagnetan


MESTI BACA

Komponen Keselamatan
dalam Sistem Pendawaian
di Rumah


1. Bagi mengelakkan kebakaran atau kemalangan yang berpunca daripada elektrik, alat-alat keselamatan yang diperlukan di rumah termasuk suis, fius dan dawai bumi.
2. Bekalan elektrik dapat diputuskan dengan mematikan suis.
3. Fius dipasang pada litar elektrik untuk mengelakkan arus berlebihan daripada mengalir menerusi litar. Wayar dalam fius akan melebur.
4. Dawai bumi mengalirkan arus terbecor ke bumi.
5. Pemutus litar miniatur (MCB) melindungi cabang-cabang litar elektrik tertentu yang berlakunya litar pintas atau apabila terdapat beban penggunaan elektrik yang terlalu banyak.
6. Pemutus litar miniatur mengandungi suis-suis yang boleh memutuskan litar secara automatik.
7. Kini, pemutus litar miniatur telah beransur-ansur mengambil alih tugas kotak fius.
8. Pemutus litar bocor ke bumi (ELCB) dapat mengelakkan arus elektrik yang berlebihan daripada mengalir melalui litar di rumah, khasnya semasa berlakunya petir kilat.

JAWAB


14. (a) Kenal pasti alat-alat keselamatan yang terdapat dalam komponen-komponen keselamatan di rumah.



Pemutus litar
MCB



Pemutus litar
ELCB



Suis utama

- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul tentang komponen keselamatan pada alat elektrik.

- (i) Selain fius, dawai bumi ialah komponen keselamatan pada seterika elektrik. ☐
- (ii) Dawai bumi pada alat elektrik melebur apabila arus berlebihan mengalir melaluinya. ☐